

Parlimen: 300 Lesen Tangkap Ikan Dibatalkan Kerana Menyeleweng - Mohd Johari Bernama
28 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membatalkan 300 lesen menangkap ikan nelayan kerana didapati menyeleweng diesel bersubsidi atau memajak lesen itu kepada nelayan asing.

Timbalan Menterinya, Datuk Mohd Johari Baharum berkata pembatalan lesen itu dibuat dalam satu proses pemutihan yang diadakan baru-baru ini ke atas nelayan terutama di pantai timur Semenanjung.

"Ramai pemilik bot dan pemegang lesen memajakan lesen kepada nelayan lain, termasuk dari Vietnam. Bot mereka mendapat subsidi diesel tetapi ikan yang didaratkan tidak setimpal dengan diesel subsidi itu.

"Oleh itu, kita menarik balik lesen mereka bagi memastikan hanya nelayan yang mengusahakan sendiri bot mereka diberikan kelulusan menangkap ikan," katanya pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat di sini Khamis.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Kamarudin Jaffar (PAS-Tumpat) yang bertanyakan sejauh mana kementerian mengesan penyelewengan lesen dan subsidi oleh para nelayan dan tindakan yang diambil ke atas pesalah.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676523>